

UNS-Solo anugerah ijazah doktor kehormat kepada Dr. Mahathir
Utusan Online
03 September, 2012
Saharuddin Musthafa

SOLO (Jawa Tengah) 2 Sept. - Jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengangkat kedudukan bangsa Melayu untuk setaraf dengan bangsa-bangsa lain di dunia mendapat pengiktirafan Universiti Sebelas Maret Indonesia (UNS-Solo) di sini.

Pemimpin tersohor Malaysia itu akan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Ilmu Sosial dan Budaya dalam bidang Kepimpinan dan Pemberdayaan Bangsa Melayu dalam satu majlis khas yang bakal diadakan di kampus universiti berkenaan di sini esok.

Pemilihan Dr. Mahathir untuk menerima anugerah berkenaan disifatkan Rektor UNS-Solo, Prof. Dr. Ravik Karsidi sebagai tepat kerana tokoh itu adalah seorang pemimpin yang konsisten memperjuangkan agenda Melayu.

Menurut Dr. Ravik, bangsa Melayu yang suatu masa pernah terpinggir daripada arus pembangunan berbanding bangsa-bangsa lain berjaya diangkat kedudukannya oleh Dr. Mahathir.

"Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin legenda dunia yang telah berjasa meningkatkan bangsa Melayu setaraf dengan bangsa-bangsa lain di dunia

"Selama ini mungkin bangsa Melayu masih dianggap rendah daripada bangsa-bangsa lain di dunia tetapi dalam tempoh kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia, orang Melayu lebih terasa terangkat," kata beliau pada sidang akhbar selepas perasmian seminar antarabangsa Masa Depan Bangsa-Bangsa Melayu Di Tengah Krisis dan Perubahan Politik Global anjuran UNS-Solo dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Seminar yang dirasmikan oleh Pengerusi Yayasan Amanah UNS-Solo, Akbar Tanjung itu turut dihadiri Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Dr. Mahathir merupakan penerima kedua ijazah berkenaan daripada universiti berkenaan selepas bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Indonesia, Dr. Mas'ud Wisnu Wardana.

UNS-Solo berada dalam ranking ketujuh daripada 72 universiti awam di Indonesia.

Selain dianugerah ijazah kehormat itu, Dr. Mahathir yang bersara sebagai Perdana Menteri keempat Malaysia pada 2003 turut menjadi pilihan universiti berkenaan yang mengkaji pemikiran beliau sepanjang memimpin negara selama 22 tahun.

Beberapa kertas kerja mengenai pendekatan Dr. Mahathir termasuk menguruskan minda kepelbagaian etnik di Malaysia, pendekatan memakmurkan jiran serta integrasi ekonomi ASEAN sebagai instrumen penyatuan bangsa Melayu dibentangkan oleh beberapa cendekiawan Malaysia dan Indonesia pada seminar berkenaan.

Pada majlis penerimaan ijazah kehormat itu, Dr. Mahathir juga diberi penghormatan menyampaikan ceramah umum bertajuk *Kriminalisasi Perang*.

Sejurus selepas menerima ijazah itu, Dr. Mahathir yang diiringi isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali akan menziarahi makam bekas Presiden Indonesia, Allahyarham Suharto.

Dalam lawatan tiga hari bekas Perdana Menteri itu, beliau juga akan menyampaikan ceramah dan melawat pameran Perang Adalah Jenayah anjuran Yayasan Keamanan Global Perdana di Universiti Muhammadiyah, Yogyakarta pada 4 September ini. - Utusan

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120903/dn_14/UNS-Solo-anugerah-ijazah-doktor-kehormat-kepada-Dr-Mahathir